

Ekspektasi Antara Hasrat dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Kekeluargaan: Kajian di Universiti Malaysia Perlis

Shuhairimi Abdullah, Huzili Hussin
Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Arus globalisasi yang mewarnai kehidupan manusia memberi dampak antaranya, kos sara hidup semakin meningkat dan kualiti pengurusan rumah tangga. Justeru, pendapatan yang stabil dan pengurusan masa yang efisien amat diperlukan untuk memastikan keperluan keluarga diberi keutamaan. Realiti yang berlaku ini mendorong para isteri yang bekerjaya menyusun dan merancang pengurusan masa dan pelaksanaan tanggungjawab secara berhikmah dalam memenuhi keperluan tersebut. Di samping itu, status pendidikan tinggi yang diperolehi oleh kaum wanita pada hari ini membolehkan mereka membina kerjaya masing-masing. Hakikatnya, apabila kedua-dua ibu bapa bekerja, masa yang dihabiskan bersama keluarga menjadi longgar. Implikasinya, secara tidak langsung mengakibatkan masa menguruskan keluarga semakin singkat. Akibatnya, sebahagian daripada masa penting perlu diagihkan kepada profesyen kerjaya dan sudah tentu memberi impak terhadap kualiti rumahtangga. Anak-anak perlu disemai dengan nilai-nilai murni dan harmoni kerana ia akan mempengaruhi personaliti peribadi yang terpuji. Ibu-ibu yang bekerja sering menghadapi dilema sama ada patut meneruskan pekerjaan atau tidak apabila terbit naluri keibuan dalam diri mereka. Tidak dinafikan setiap wanita yang berkahwin mempunyai hasrat yang tinggi untuk menguruskan keluarga dengan baik. Meskipun begitu, apabila mereka bekerjaya secara realitinya mereka perlu bijak membahagikan fokus tumpuan terhadap rumahtangga. Adakah ini benar? Maka kajian ini ingin melihat sama ada wanita bekerjaya mampu merealisasikan hasrat menguruskan keluarga mereka dengan baik. Selain itu, faktor-faktor penyumbang kepada permasalahan keluarga dan tindakan yang diambil oleh responden apabila menghadapi masalah juga dilakukan kajian. Umumnya kajian ini melibatkan 92 orang responden. Kajian mendapati implikasi yang berlaku ke atas wanita bekerjaya di UniMAP di antara hasrat dan realiti terhadap keberkesanan pengurusan keluarga menunjukkan mereka mampu mengimbangi antara tugas di pejabat dan tugas di rumah. Malah sebahagian besar wanita bekerjaya di UniMAP berserah kepada Ilahi dan menyelesaikan masalah sendiri apabila menghadapi masalah keluarga. Secara fitrahnya, apabila manusia menghadapi sebarang kesulitan dan kesusahan mereka akan mengadu dan meminta bantuan daripada Ilahi.

Kata kunci: ekspektasi, wanita bekerjaya, pengurusan, kekeluargaan, UniMAP.

1.0 PENDAHULUAN

Jika ditinjau dalam lipatan sejarah tradisi masyarakat Melayu silam, aspek kepimpinan pengurusan dan ekonomi keluarga diterajui oleh oleh suami. Metod kekeluargaan yang diasaskan dalam sistem kekeluargaan masyarakat Melayu tradisi telah terbukti keberkesannya yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang sejak berabad-abad lamanya. Sebagai tonggak dalam keluarga, suami mempunyai tugas penting iaitu bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan masalah kekeluargaan dan juga sebagai perisai untuk melindungi entiti di bawah jagaannya. Pihak suami bertanggungjawab menjaga keseluruhan kebajikan ahli dan menyediakan keperluan asasi kepada ahli keluarganya seperti tempat tinggal, makanan, minuman dan pakaian. Di samping itu, suami juga berperanan menyelesaikan segala kerumitan dan permasalahan yang timbul. Di pihak isteri pula, ia berperanan berkongsi tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga dalam memastikan ikatan kekeluargaan yang dibina berasaskan kasih sayang. Bersesuaian dengan fitrah semulajadi yang dicipta oleh Ilahi, kaum wanita memiliki sifat kasih sayang yang tinggi, lemah lembut dan memiliki sifat keibuan yang dominan.

Sehubungan dengan itu, peranan dan fungsi wanita dalam masyarakat Melayu silam sangat terbatas. Norma-norma dalam amalan tradisional Melayu secara tidak langsung telah menghadkan peluang kaum wanita dalam melakukan perubahan dan pembaharuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Menurut Muhammad Abdul Rauf (1997), wanita tidak mempunyai status luaran langsung. Nilai-nilai yang didoktrin oleh ahli keluarga kepada anak gadis supaya menjadi suri rumah tangga yang berkebolehan dan baik serta memberi komitmen sepenuhnya kepada hal ehwal rumah tangga. Apa yang penting pihak isteri perlu bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran alam perkahwinan yang telah dibina dan dapat menerima sepenuhnya ahli keluarga sebelah suaminya. Begitu juga dengan pihak suami perlu menyesuaikan dengan pasangannya dalam membina kerukunan dan memastikan kebahagiaan rumah tangga tercapai. Meskipun nilai ini bersifat konservatif, namun nilai-nilai tersebut kemungkinan bersesuaian dipraktikkan pada masa tersebut memandangkan kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu bersifat mudah dan tidak sebegitu rumit seperti zaman sekarang.

Kini apabila situasi dan realiti masyarakat mula mengalami perubahan ia memberi implikasi kepada nilai-nilai tradisonal institusi kekeluargaan Melayu khususnya. Apabila peluang kerjaya dibuka tanpa ada sempadan dan perbezaan jantina, ia memberi peluang kepada kaum wanita untuk menjana sumber tenaga manusia penting dalam arus pembangunan negara. Kebanyakan wanita dalam era kontemporari bercita-cita untuk mengejar kerjaya bersesuaian dengan taraf pendidikan yang diterima oleh mereka. Persoalan sama ada wanita tersebut sudah atau belum mendirikan rumahtangga bukan satu halangan atau kekangan utama dalam menentukan bidang kerjaya yang bakal diceburi. Realiti yang berlaku di negara ketiga khususnya di negara Malaysia amnya, status wanita bukan hanya berfungsi sebagai suri rumah tangga semata-mata. Mereka juga terlibat dalam prospek kerjaya sama ada untuk menampung ekonomi keluarga atau untuk membina karier masa depannya yang tersendiri. Ini terbukti dengan kadar penyertaan kaum wanita dalam sektor guna tenaga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kini bagi wanita bekerjaya yang telah berumahtangga, mereka mempunyai

tanggungjawab yang berat kerana terpaksa mengimbangi *complexity* tugas dan tekanan di tempat kerja dan di rumah. Justeru sifat kompromi dan kerjasama antara suami dan isteri merupakan mekanisme yang terbaik dalam pengurusan rumah tangga, tambahan lagi jika pasangan tersebut telah dianugerahkan cahaya mata.

Kajian ini tidak bertujuan untuk mengkaji kelemahan dan menyalahkan mana pihak dalam soal pengurusan rumah tangga. Persefahaman antara tanggungjawab dan pergaulan yang baik antara pasangan suami isteri merupakan adunan dan mekanisme yang terbaik dalam menguruskan rumah tangga sebagaimana yang ditegaskan oleh Islam. Hal ini ditegaskan oleh Baginda S.A.W dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal (1969) yang bermaksud:

“Berpesanlah supaya berlaku baik kepada kaum wanita, sesungguhnya wanita itu dicipta dari tulang dada yang bengkok. Tulang dada yang paling bengkok ialah yang berada paling atas. Jika engkau cuba meluruskannya, ia akan patah, dan jika engkau membiarkannya, ia akan tetap bengkok. Oleh itu, berpesanlah supaya berlaku baik kepada kaum wanita”.

1.1 Konsep Pengurusan Rumah Tangga Di Kalangan Wanita Bekerjaya

Fenomena globalisasi yang melanda dunia pada hari ini sudah tentu memberi kesan dan dampak dalam pelbagai dimensi seperti ekonomi, politik, kebudayaan dan keagamaan serta keilmuan. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima gelombang globalisasi yang mewarnai dunia. Antara kesan kehadiran globalisasi terhadap peradaban manusia ialah penonjolan hak asasi kaum wanita. Pada zaman silam, wanita hanya dilabelkan sebagai orang yang layak duduk di ceruk dapur sahaja (Sabitha Marican, 1998). Kini perubahan masa dan zaman yang mempengaruhi kehidupan manusia dan secara tidak langsung mempengaruhi nilai-nilai dalam institusi kekeluargaan. Dalam situasi tertentu, tuntutan hidup yang tinggi di kota metropolitan dan perubahan ekonomi memaksa kaum wanita untuk terus bekerja bagi membantu kewangan keluarga (Mazidah Zakaria, 1981). Justeru, dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini, wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara (Rozi Bainun, 2003). Menurut Shamsudin Bardan, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia dipetik daripada Berita Harian bertarikh 5 Mei 2005 dalam ruangan “Dalam Negeri” menjelaskan penyertaan golongan wanita dalam sektor pekerjaan adalah sebanyak 47 peratus daripada lima juta wanita dalam negara yang bekerja. Situasi ini menunjukkan bilangan wanita yang bekerja di Malaysia adalah satu fenomena yang biasa.

Sehubungan dengan itu, taraf pendidikan tinggi (Muhammad Abdul Rauf, 1997) dan permintaan sumber manusia yang semakin meningkat membuka peluang untuk wanita bersaing dengan kaum lelaki (Raja Rohana Raja Mamat, 1991) dalam dunia pekerjaan. Bagi wanita yang telah berkahwin dan bekerjaya, mereka mempunyai bebanan tanggungjawab yang berat di mana tugas keibuan perlu dimbangi dengan tugas kerja harian (Wanita, 2005). Di tempat kerja si ibu perlu melakukan tugas yang telah diamanahkan oleh majikan dengan seoptimum mungkin. Apabila pulang dari tempat kerja si ibu terpaksa mengurus keluarga, mengasuh anak, memasak, membasuh dan

pelbagai tugas lagi. Cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi bagi ibu bekerjaya memerlukan semangat juang ketabahan yang tinggi. Dalam hal ini, pengurusan keluarga secara kolektif antara suami dan isteri merupakan elemen penting dalam memastikan pengurusan rumah tangga tidak diabaikan. Tanggungjawab suami dan isteri membina keluarga dan memelihara keutuhan rumah tangga adalah merupakan keperluan asasi yang perlu dipertahankan (Mohammad Mahdi Syamsu al-Din, 1971).

Islam sebagai *al-din* yang lengkap mempunyai tatacara yang tersendiri dalam merangka pembentukan institusi kekeluargaan. Pembahagian bidang tugas suami isteri dalam sesebuah rumah sebagaimana ditegaskan oleh Baginda S.A.W dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar (Sahih Muslim, 1972) yang bermaksud:

“Tiap-tiap orang kamu adalah penjaga, dan tiap-tiap orang daripada kamu bertanggung jawab terhadap apa yang dipertanggungjawabkan. Lelaki itu penjaga di kalangan ahlinya dan bertanggungjawab terhadap mereka. Wanita itu penjaga dalam rumah tangga suaminya dan anaknya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Khadam itu penjaga terhadap urusan harta benda tuannya dan ia dipertanggungjawabkan terhadapnya. Tiap-tiap orang daripada kamu adalah penjaga dan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang di bawahnya.”

Oleh yang demikian, bagi memastikan pengurusan rumah tangga dalam suasana yang harmoni, sikap toleransi dan saling memahami di antara suami dan isteri merupakan kunci utama yang efektif. Suami tidak boleh lepas tangan dan hanya bergantung kepada isteri semata-mata untuk mengurus hal ehwal dalam rumah. Mentaliti yang menggambarkan bahawa kerja-kerja di rumah hanya akan merendahkan martabat lelaki perlu dikikis. Bukan satu perkara yang jelik sekiranya suami bertolak ansur dalam kerja yang dilakukan oleh isteri. Sebagai contoh, tugas memasak, membasuh pakaian, mencuci pinggan, menjaga anak dan tugas rutin harian rumah tangga boleh dilakukan secara bersama atau berseorangan bergantung kepada situasi keadaan. Secara tidak langsung pertolongan yang diberikan akan menambahkan lagi rasa kasih sayang serta penghargaan isteri terhadap suami. Bantuan tersebut adalah satu manifestasi kasih sayang yang akan menarik perhatian isteri terhadap suami dan keluarga seluruhnya Mustafa, (1995). Tanpa sifat toleransi di antara pasangan menyebabkan berlakunya konflik yang mengeruhkan interaksi perhubungan suami isteri dan seterusnya boleh menjejaskan kualiti pengurusan rumahtangga. Situasi ini boleh meningkatkan tekanan di kalangan kaum ibu yang bekerja disebabkan tugas pengurusan hal ehwal rumahtangga dibebankan secara mutlak oleh suami kepada si isteri.

Dalam konteks pendidikan anak-anak, si ibu perlu memberikan fokus yang semaksima mungkin dalam mengikuti perkembangan anaknya dari aspek fizikal, rohani dan psikologi. Tidak dinafikan kesibukan ibu yang bekerja sudah tentulah tidak dapat memberi perhatian yang optimum terhadap anak-anaknya dan menjejaskan fungsinya dalam menguruskan rumahtangga. Meskipun begitu, kerjaya bukanlah penghalang utama bagi seseorang wanita dalam menguruskan rumahtangga. Menurut Salmi Jalina Jalil, (Wanita, 2005) Kaunselor di Bahagian Pembangunan Keluarga, Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara, dalam pengurusan keluarga seorang ibu

perlu bijak membahagikan masa. Sebagai contoh, sekalipun si ibu sibuk, ibu perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya lima minit untuk menghubungi anaknya di pejabat. Pada peringkat pembentukan fisiologi kanak-kanak, mereka tidak mengharapkan material daripada ibu bapa untuk mengisi kekosongan jiwa mereka. Sebaliknya, perhatian dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu kepada anak merupakan sentuhan yang ajaib dalam membentuk keperibadian kanak-kanak tersebut. Justeru itu, tidak wajarlah tugas mendidik anak diserahkan secara berterusan kepada pembantu rumah tanpa ada sedikit penglibatan daripada pihak ibu. Harus diingat anak merupakan anugerah Ilahi yang tiada nilai dengan harta benda.

Justeru, pengurusan rumahtangga di kalangan wanita yang bekerja bukanlah merupakan penghalang cita-cita untuk menjadi seorang ibu yang mithali. Namun begitu, pengorbanan yang tinggi diperlukan oleh seseorang ibu dalam membahagikan masa dalam menguruskan rumah tangga dan mendidik anak-anaknya. Sebagai buktinya, terdapat ramai ibu-ibu mithali yang bekerja berjaya membentuk keluarga dan mendidik anak-anak mereka sehingga berjaya keseluruhannya. Natiujahnya, kepuasan dan kebanggaan seorang isteri ialah apabila beliau dapat mengecapi kebahagiaan rumahtangga yang dibina dan melihat anak yang dilahirkannya menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sebaliknya, hati seorang ibu akan hancur berkecai bak kaca yang terhempas ke bumi apabila melihat masa depan rumahtangganya menanti kehancuran meskipun beliau amat cemerlang dalam karier yang diceburinya.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Rozi Bainon, (2003) menjelaskan dengan begitu komprehensif berkaitan isu-isu diskriminasi di kalangan wanita. Penulisannya lebih memfokuskan aspek-aspek kekeluargaan dari perspektif Islam dan perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia. Apa yang menariknya, penulis membincangkan secara terperinci usaha-usaha untuk meningkatkan taraf kaum wanita melalui proses pembangunan wanita secara terancang dan konsisten. Malah perbandingan dengan negara-negara Islam lain turut dibincangkan dan peranan dunia dalam memperkasakan hak-hak wanita global.

Mohd. Nor Manuty (2003), membincangkan perubahan masyarakat dan strategi pembentukan keluarga bahagia perlu diberi perhatian yang konkrit dalam proses pembentukan keluarga. Beliau menekankan dalam proses menjana keluarga yang harmoni pembangunan yang mapan (*sustainable development*) merupakan bentuk pembangunan yang sesuai di mana pembangunan akal, rohani dan jasmani berada pada tahap yang seimbang. Pembangunan yang tidak seimbang akan mempengaruhi pola kelakuan manusia dan seterusnya akan memberi dampak yang negatif kepada institusi kekeluargaan. Penumpuan kepada aspek material untuk meningkatkan tahap ekonomi keluarga merupakan satu usaha yang terpuji namun jika diabaikan dari aspek kualiti pengurusan keluarga ia akan memberi kesan sampingan yang negatif. Kecenderungan ibu-ibu bekerja sepenuh masa dengan mengabaikan tanggungjawab pendidikan anak-anak merupakan faktor penyumbang kepada ketegangan hubungan keluarga. Bagi mengatasi masalah ini, bagi pasangan suami isteri yang bekerja mereka perlu memahami

konsep dan peranan perkahwinan serta tanggungjawab membentuk keluarga yang bahagia.

Di samping itu, Muhammad Abdul Rauf (1997) iaitu menyentuh tentang wanita dan pekerjaan di luar. Beliau telah membuat perbandingan fungsi wanita dalam institusi kekeluargaan secara tradisional dan pada masa sekarang. Ternyata berlaku perubahan yang amat ketara dari segi fungsi dan status wanita akibat perubahan zaman dan keperluan semasa. Beliau juga mengesyorkan pola-pola nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam mewujudkan hubungan kekeluargaan yang terpuji. Meskipun secara prinsipnya, suami telah *ditaklifikan* sebagai ketua dalam rumahtangga yang berfungsi sebagai tonggak ekonomi keluarga namun, pihak isteri tidak boleh dinafikan haknya dalam membantu suami menjana ekonomi keluarga. Namun begitu, kelonggaran yang diberikan terhadap kaum wanita untuk bekerja perlu mematuhi nilai-nilai murni yang telah ditetapkan oleh Islam. Apa yang ditekankan oleh penulis ialah beberapa mekanisme menurut acuan Islam untuk mewujudkan pengurusan keluarga yang berkualiti.

Manakala, Che Zainon Yusof (1995) telah membincangkan kedudukan wanita pada masa sebelum dan selepas kehadiran Islam. Turut dibincangkan dalam buku ini ialah peranan wanita dalam membina institusi masyarakat pada masa kini. Penulis turut mengetengahkan isu-isu wanita dan pekerjaan. Penulisan ini juga membincangkan pengurusan rumahtangga di kalangan wanita bekerjaya sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Keperluan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara' ialah bertujuan untuk melindungi kaum wanita dan dalam masa yang sama ialah untuk memelihara ikatan perkahwinan yang dibina agar terus utuh. Apa yang penting isteri yang bekerja perlu mengutamakan kualiti pengurusan rumahtangga agar keharmonian di kalangan ahli dalam keluarga tersebut hidup dalam suasana harmoni dan kasih sayang.

Abdul Rabbi Nawab al-Din (1992) juga mengupas tentang bidang pekerjaan wanita dalam masyarakat klasik dan zaman moden. Juga turut dikupas berkaitan pekerjaan wanita, tugas-tugas sebagai umum isteri dan menguruskan harta. Beliau turut mengetengahkan konsep pengurusan rumahtangga dan kaedah-kaedah untuk melahirkan keluarga yang cemerlang menurut konsep kekeluargaan Islam. Selain itu, bidang pekerjaan yang sesuai dengan perempuan yang bergelar isteri.

Selain itu, Raja Rohana Raja Mamat (1991) telah memfokuskan tentang pencapaian pendidikan dan penyertaan kaum wanita dalam tenaga kerja. Secara tidak langsung, perbincangan dilanjutkan berkenaan proses pembangunan keluarga sama ada di kalangan wanita berkahwin atau yang belum. Di samping itu, beliau juga cuba membincangkan pencapaian status wanita Melayu pada abad kini.

Malah dalam penulisan Mustafa Siba'i (1986) turut mengupas secara terperinci tentang hal ehwal wanita dari perspektif Islam. Beliau membincangkan secara panjang lebar tentang pembahagian tugas dalam rumahtangga khususnya terhadap pasangan suami isteri yang bekerja. Beliau juga menjelaskan garis panduan yang perlu diikuti oleh wanita yang bekerjaya perlu mematuhi batas-batas yang ditentukan oleh syara'. Apa yang

penting bagi pasangan suami isteri yang bekerja mereka perlu memahami falsafah perkahwinan yang murni dan perlu mengimbangkan antara tuntutan rumahtangga dan kerjaya.

Sehubungan dengan itu, Sayid Mujtaba Musawi Lari (1974), menjelaskan antara asas pembentukan keluarga bertujuan untuk memenuhi naluri untuk hidup dalam kumpulan bantu membantu ke arah kesempurnaan hidup mereka. Di samping itu, fungsi keluarga ialah untuk melahirkan perkongsian yang mendatangkan keuntungan kepada suami isteri. Oleh yang demikian, meskipun suami dan isteri bekerja untuk meningkatkan ekonomi keluarga namun kualiti pengurusan keluarga perlu diseimbangkan agar tidak berlaku kepincangan dalam rumah tangga.

2.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini cenderung untuk memberi penjelasan tentang realiti pengurusan rumah tangga yang berlaku di kalangan staf wanita yang bekerja dan mengupas isu tersebut secara mendalam untuk melihat sejauh mana impian yang diidamkan oleh kaum wanita mencapai objektif yang dimaksudkan. Hal ini disebabkan, kajian secara terperinci tentang keberkesanan kaum wanita bekerja dalam menguruskan rumah tangga tidak dibincangkan secara meluas. Kebanyakan penulisan yang dibincangkan berkaitan wanita adalah berkenaan dengan isu emansipasi, kebebasan mutlak, persamaan hak antara jantina dan diskriminasi yang berlaku terhadap kaum wanita. Kajian ini dilihat penting bertujuan sebagai satu usaha untuk melihat realiti yang berlaku kepada kaum wanita yang bekerjaya dalam menguruskan rumahtangga. Di samping itu, diharapkan penemuan kajian ini akan menjadi sebagai sebahagian mekanisme yang dapat membantu kaum wanita bekerja dalam pembinaan institusi kekeluargaan yang harmoni.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian terhadap keberkesanan pengurusan keluarga oleh wanita bekerjaya adalah dilakukan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di mana bertujuan untuk mengenalpasti;

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara hasrat wanita bekerjaya sebelum berkahwin dan realiti wanita bekerjaya setelah berkahwin dalam pengurusan keluarga ?
2. Faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah dalam menguruskan keluarga.
3. Tindakan yang diambil oleh wanita bekerjaya apabila menghadapi masalah keluarga.

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara hasrat dan realiti wanita bekerjaya sebelum berkahwin dan realiti di kalangan wanita bekerjaya yang telah mendirikan rumah tangga dalam menguruskan keluarga.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

5.1 Rekabentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian deskriptif dalam bentuk kajian tinjauan. Data-data kajian dikumpul daripada responden dengan menggunakan set soalan yang standard.

5.2 Responden Kajian

Pemilihan responden wanita bekerjaya di UniMAP di buat berasaskan populasi. Soal selidik telah dihantar kepada 92 orang responden. Sebanyak 73 soal selidik telah diterima balik untuk dibuat analisis data.

5.3 Instrumen Kajian

Satu set soal selidik yang standard telah digunakan dalam pengumpulan data kajian ini. Soal selidik berkenaan telah dipecahkan kepada empat bahagian di mana setiap bahagian terdapat 10 soalan kajian. Soalan kajian bahagian pertama adalah berkaitan hasrat wanita bekerjaya dalam menguruskan keluarga, bahagian kedua pula memberi tumpuan kepada realiti wanita bekerjaya dalam menguruskan keluarga, bahagian ketiga memberi penekanan kepada faktor-faktor penyumbang kepada permasalahan keluarga dan soalan kajian bahagian keempat memberi fokus kepada tindakan yang diambil oleh wanita bekerjaya apabila menghadapi masalah keluarga.

Kajian rintis telah dilakukan kepada 30 responden wanita bekerjaya di UniMAP dengan tujuan melakukan *Reliability Analysis* berdasarkan skala alpha. Hasil kajian rintis didapati analisis kebolehpercayaan soal selidik adalah pada skala alpha 0.687. Ini bermakna set soal selidik yang digunakan adalah sesuai untuk kajian ini.

5.4 Analisis Data

Pemprosesan dan penganalisan data adalah menggunakan perisian SPSS. Teknik statistik berdasarkan peratusan dan min digunakan untuk menganalisis data. Satu skala telah dibuat untuk memudahkan pengiraan markat min dilakukan. Skor min diberi skala 1 hingga 5. Skala 1 bermaksud amat tidak setuju, skala 2 (tidak setuju), skala 3 (tidak pasti), skala 4 (setuju) dan skala 5 bermaksud amat bersetuju. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan penganalisan data, skor min bagi setiap item

soalan kajian di antara 1.0 hingga 2.49 dianggap rendah, manakala skor min 2.5 hingga 3.49 dianggap tinggi dan skor min 3.50 hingga 5.00 adalah dianggap sangat tinggi.

6.0 PENEMUAN KAJIAN

Berikut adalah hasil penemuan kajian:

6.1 Perbandingan Hasrat dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Keberkesanan Pengurusan Keluarga

6.1.1 Hasrat Wanita Bekerjaya Terhadap Keberkesanan Pengurusan Keluarga

Terdapat 10 soalan diajukan kepada responden di bawah bahagian Hasrat Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Keluarga. Bagi melihat dengan lebih jelas lagi, skor min dan sisihan piawai Hasrat Wanita Bekerjaya ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Skor Min Hasrat Wanita Bekerjaya

Walaupun saya bekerja saya berhasrat...

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
Menyeimbangkan antara kerjaya dan pengurusan keluarga	4.56	0.53
Tidak membawa masalah kerja di rumah	4.24	0.68
Kerja-kerja luar (<i>out-station</i>) tidak sedikitpun menimbulkan masalah dalam pengurusan keluarga	3.64	0.84
Menguruskan keluarga dengan baik walaupun bekerja lebih masa	4.18	0.65
Menguruskan keluarga dengan baik walaupun dibebani dengan tekanan kerja	4.06	0.65
Tidak menjadikan keletihan bekerja sebagai alasan kurang memberi perhatian kepada keluarga	4.62	0.72
Menyediakan ruang masa melancong atau berziarah bersama keluarga walaupun banyak kerja yang perlu disiapkan	3.92	0.74
Tidak terlalu bergantung kepada sijil cuti sakit dalam menguruskan masalah kesihatan keluarga	3.90	0.88
Tidak menjadikan masalah keluarga sebagai alasan tidak menyertai aktiviti di tempat kerja	3.73	0.94
Tidak terlalu bergantung kepada pembantu rumah atau ibubapa/mertua dalam menguruskan keluarga.	3.89	0.84

Berdasarkan jadual 1, didapati keseluruhan 10 soalan yang diajukan kepada responden menunjukkan skor min yang sangat tinggi iaitu melebihi 3.50 ke atas. Dari segi peratusan pula ianya merangkumi 91.8% responden menjawab hasrat yang sangat tinggi untuk menguruskan keluarga dengan baik walaupun dibebani masalah kerja, kerja lebih masa, kerja *out-station*, tekanan kerja dan juga keletihan kerja. Berasaskan data ini, senario yang berlaku menjelaskan meskipun wanita dibebani dengan tanggungjawab

tugasan di pejabat mereka masih lagi dapat memberi tumpuan kepada keluarga apabila berada di rumah. Komitmen terhadap keluarga yang digambarkan oleh golongan wanita ini memberi implikasi yang positif dalam merangsang dan mencetuskan hubungan yang harmoni dalam sesebuah rumah tangga, Afzalu ar- Rahman (1988) dan Hedaya Hartford (2002). Selain itu, responden juga menunjukkan tahap hasrat yang sangat tinggi untuk menguruskan keluarga sehinggakan mereka menyatakan untuk tidak menjadikan masalah keluarga sebagai alasan tidak menyertai aktiviti tempat kerja, tidak mahu terlalu bergantung kepada pembantu rumah atau keluarga dan mahu mengelak menggunakan sijil cuti sakit sekiranya ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan. Keadaan ini bertepatan dengan pendapat Ainon Mohd. (2003) bahawa salah satu sifat semulajadi manusia ialah suka menyangka dirinya lebih hebat dari hal yang sebenarnya. Sehubungan dengan itu, peningkatan tahap profesionalisme dan perubahan norma sosial di kalangan masyarakat Melayu telah membuka ruang kepada kaum wanita untuk bergiat aktif bersama kaum lelaki dalam meningkatkan produktiviti negara. Tidak dinafikan sumbangan wanita tidak lagi terhad kepada kepada sektor tradisional sahaja malah merentasi pelbagai bidang yang diceburi oleh kaum lelaki, Rozi Bainon (2003). Pada dasarnya, komitmen terhadap bidang kerjaya tidaklah bermaksud mengenyahkan kepentingan dan kebajikan keluarga. Sebaliknya koordinasi interaksi (Muhammad Abdul Rauf (1997) dan mengenalpasti obligasi setiap ahli keluarga berfungsi dengan baik serta sentiasa peka dengan keperluan dan keadaan merupakan perkara asas dalam sesebuah organisasi keluarga. Pada keseluruhannya skor min bagi item soalan kajian ialah 4.02.

6.1.2 Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Keberkesanan Pengurusan Keluarga

Terdapat 10 soalan diajukan kepada responden di bawah bahagian Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Keluarga. Bagi melihat dengan lebih jelas lagi, skor min dan sisihan piawai Realiti Wanita Bekerjaya ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Skor Min Realiti Wanita Bekerjaya

Setelah bekerja secara realitinya saya...

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
Dapat menyeimbangkan antara kerjaya dan pengurusan keluarga	3.44	1.09
Tidak membawa masalah kerja di rumah	3.76	0.86
Kerja-kerja luar (<i>out-station</i>) tidak menimbulkan masalah dalam pengurusan keluarga	3.49	0.93
Dapat menguruskan keluarga dengan baik walaupun bekerja lebih masa	3.58	0.91
Dapat menguruskan keluarga dengan baik walaupun dibebani dengan tekanan kerja	3.45	1.05
Tidak menjadikan keletihan bekerja sebagai alasan kurang memberi perhatian kepada keluarga	3.72	0.84
Dapat menyediakan ruang masa melancong atau berziarah bersama keluarga walaupun banyak kerja yang perlu disiapkan	3.20	1.14
Tidak bergantung kepada sijil cuti sakit apabila timbul masalah kesihatan keluarga	3.86	1.02

Tidak menjadikan masalah keluarga sebagai alasan tidak menyertai aktiviti di tempat kerja	3.53	0.96
Tidak terlalu bergantung kepada pembantu rumah atau ibubapa/mertua dalam menguruskan keluarga.	3.58	1.10

Berdasarkan jadual 2, didapati 6 daripada 10 item soalan yang diajukan kepada responden menunjukkan skor min yang sangat tinggi iaitu melebihi 3.50 keatas. Manakala 4 item soalan kajian menunjukkan tahap yang tinggi iaitu pada skala 2.50 hingga 3.49. Dari segi peratusan pula ianya merangkumi 64.4% responden menjawab realiti yang sangat tinggi dan sebanyak 27.4% responden menjawab realiti di tahap yang tinggi. Berdasarkan kepada analisis data yang diperolehi jelas menunjukkan responden tidak membawa masalah kerja di rumah, dapat menguruskan keluarga dengan baik walaupun kerja lebih masa, tidak menjadikan keletihan bekerja sebagai alasan kurang beri perhatian kepada keluarga, tidak bergantung kepada sijil cuti sakit apabila timbul masalah kesihatan keluarga, tidak menjadikan masalah keluarga sebagai alasan tidak menyertai aktiviti di tempat kerja dan tidak terlalu bergantung kepada pembantu rumah atau keluarga dalam menguruskan keluarga di tahap yang sangat tinggi. Manakala responden menunjukkan tahap yang tinggi bagi item soalan kajian dapat menyeimbangkan antara kerjaya dan pengurusan keluarga, kerja-kerja luar atau *out-station* tidak menimbulkan masalah dalam pengurusan keluarga, dapat menguruskan keluarga dengan baik walaupun dibebani dengan tekanan kerja dan dapat menyediakan ruang masa untuk melancong atau berziarah bersama keluarga walaupun banyak kerja yang perlu disiapkan. Hakikatnya bagi seseorang wanita, kecemerlangan dalam bidang kerjaya dan kebahagiaan rumah tangga perlu diimbangi dengan kebijaksanaan cara menyesuaikan diri dan membahagikan masa dengan bijak bersama keluarga. Toleransi, kerjasama dan sokongan daripada pihak suami sangat diperlukan oleh isteri yang bekerja. Sikap saling mempercayai dan keyakinan kepada pasangan akan membangkitkan motivasi yang tinggi kepada pihak isteri dalam mengejar kariernya dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan kebahagiaan dalam rumah tangga, Muhammad Ali Qutb (2005). Kegagalan untuk membahagikan masa dengan bijak antara kerjaya dan rumah tangga akan memberi implikasi yang negatif terhadap institusi kekeluargaan dan secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi kerja. Skor min bagi keseluruhan item soalan kajian ialah 3.56.

Berpandukan kepada analisis skor min keseluruhan item soalan kajian terhadap hasrat wanita bekerjaya dalam pengurusan keluarga dan skor min bagi keseluruhan item soalan kajian realiti wanita bekerjaya terhadap pengurusan keluarga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan kerana masing-masing menunjukkan skor min 4.02 dan 3.56 iaitu berada ditahap yang sangat tinggi. Ini bermakna, hipotesis sebelum ini terdapat perbezaan yang signifikan di antara hasrat wanita bekerjaya dan realiti wanita bekerjaya terhadap pengurusan keluarga ditolak. Perbandingan skor min adalah ditunjukkan seperti jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Skor Min Hasrat dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Keluarga

Item	Min	Sisihan Piawai
Hasrat Wanita Bekerjaya	4.02	0.445
Realiti Wanita Bekerjaya	3.56	0.634

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa walaupun wanita bekerjaya di UniMAP menghadapi tekanan kerja, kerja lebih masa, banyak terlibat dengan kerja-kerja luar, keletihan bekerja dan menghadapi masalah keluarga namun fenomena tersebut tidak memberikan impak yang sangat tinggi dalam meningkatkan prestasi dan keberkesanan kerja serta dalam menguruskan keluarga mereka. Keadaan ini tentunya amat baik dalam perkembangan UniMAP sebagai sebuah institusi IPTA yang masih baru.

6.2 Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pemasalahan Keluarga

Terdapat 10 soalan kajian diajukan kepada responden di bawah bahagian faktor penyumbang kepada permasalahan keluarga. Bagi melihat dengan lebih jelas lagi, skor min dan sisihan piawai ditunjukkan dalam jadual 4.

Berdasarkan kepada jadual 4 didapati terdapat hanya 2 daripada 10 item soalan kajian yang menunjukkan skor min yang tinggi. Ini ditunjukkan oleh item saya tidak mempunyai pembantu rumah dengan skor min 3.15. Manakala skor min bagi item saya masih kekurangan kemahiran menguruskan keluarga dengan ialah 2.67. Dari segi jumlah peratusan pula sebanyak 38.4% responden menjawab setuju dan 15.1% responden menjawab amat bersetuju bagi item saya tidak mempunyai pembantu rumah. Manakala sebanyak 31.5% responden menjawab setuju bagi item saya masih kekurangan kemahiran menguruskan keluarga dengan baik. Ini bermakna responden memerlukan bantuan pembantu rumah dan kursus kemahiran menguruskan keluarga bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan keluarga. Penguasaan tentang ilmu kemahiran keibubapaan adalah penting untuk mewujudkan keutuhan keluarga, Rusmiati Harun (2003). Melalui kemahiran tersebut ia dapat membantu keluarga daripada faktor-faktor yang boleh mengeruhkan interaksi dalam sesebuah keluarga dan seterusnya boleh mengundang kepada pengabaian tanggungjawab oleh pihak yang terlibat.

Walaupun analisis data terhadap realiti wanita bekerjaya sebelum ini menunjukkan skor min yang sangat tinggi iaitu 3.58 bagi item tidak terlalu bergantung kepada pembantu rumah dan keluarga dalam menguruskan keluarga namun ianya menunjukkan secara jelas bahawa pembantu rumah masih tetap diperlukan tetapi responden tidaklah terlalu bergantung sepenuhnya kepada mereka dalam menguruskan keluarga. Ini kerana, penjagaan anak-anak oleh ibu merupakan satu kewajipan dan peranan ini tidak seharusnya diganti dan diserahkan kepada orang lain. Dari sudut psikologi, hubungan di antara anak dan ibu mempunyai satu jalinan interaksi yang istimewa dan ianya merupakan anugerah dari Ilahi. Hubungan yang istimewa ini mencetuskan nilai kasih sayang di antara satu sama lain ditambah lagi diikat dengan hubungan darah dan nasab.

Menurut Abdul Hamid Arshat (1987), beliau memberi pandangan bahawa penjagaan anak bukanlah setakat memberi perlindungan keselamatan, makanan dan kebersihan semata-mata. Konsep penjagaan anak merangkumi proses pembangunan mental dan emosi. Dengan mengabaikan faktor-faktor ini akan memberi implikasi yang negatif kepada proses perkembangan pembesaran kanak-kanak tersebut. Umumnya, bilangan kanak-kanak yang diasuh melebihi bilangan pengasuh. Pengasuh juga berkemungkinan tidak mempunyai kemahiran yang kompeten dalam memberi asuhan kepada kanak-kanak. Ini disebabkan pada tahap umur sedemikian, kanak-kanak memerlukan sentuhan kasih sayang, pemakanan yang seimbang dan juga rangsangan untuk meningkat tahap IQ, EQ dan SQ. Penjagaan yang tidak sempurna akan memberi impak kepada proses pembentukan peribadi dan personaliti mereka.

Jadual 4: Skor Min Faktor Penyumbang Permasalahan Keluarga

Setelah bekerja saya kerap kali menghadapi masalah menguruskan keluarga...

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
Suami saya tidak banyak membantu dalam menguruskan keluarga.	2.15	0.89
Suami saya kurang memberi sokongan terhadap pekerjaan saya	1.86	0.80
Saya tidak mempunyai pembantu rumah	3.15	1.36
Tidak mendapat sokongan dan bantuan dari keluarga saya	1.85	0.63
Tidak mendapat sokongan dan bantuan dari mertua saya	2.19	1.01
Saya masih kekurangan kemahiran menguruskan keluarga dengan baik	2.67	1.04
Saya masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan saya	1.94	0.71
Saya masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan alam rumah tangga	1.73	0.62
Suami saya terlalu mengharap kepada saya dalam menguruskan keluarga	2.04	0.84
Suami saya lebih banyak memarahi dan mencari kesalahan daripada menasihati atau memberikan semangat dalam menguruskan keluarga.	1.60	0.70

Berpandukan kepada analisis data yang ditunjukkan dalam jadual 4 didapati 8 dari 10 item soalan kajian menunjukkan skor min adalah rendah iaitu di bawah skor min 2.50. Justeru, dapatan kajian ini membuktikan secara jelas bahawa responden tidak banyak menghadapi masalah keluarga kerana para suami banyak membantu dalam menguruskan keluarga, memberi sokongan terhadap pekerjaan, tidak terlalu mengharap kepada responden dalam menguruskan keluarga dan lebih banyak menasihati dan memberikan semangat dalam menguruskan keluarga daripada memarahi dan suka mencari kesalahan responden. Bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh seorang ahli psikologi Barat, Winch (1971) beberapa garis panduan telah dikenalpasti untuk mewujudkan sesebuah institusi keluarga yang kukuh dan stabil. Antaranya ialah memelihara dan menyemarakkan roh dan emosi kekitaan supaya setiap ahli keluarga dapat merasakan wujud ikatan kekeluargaan yang utuh dan erat. Lantaran itu akan mewujudkan perasaan dan tindakan ke arah keluaraga yang bahagia, bertanggungjawab dan komited di samping berusaha megelak dan mengurangkan jurang krisis dan konflik. Pandangan ini juga disangga dengan kajian yang dilakukan oleh Melson (1980). Rumusan dari kajian tersebut antaranya menjelaskan keluarga tidak harus bertindak

sebagai koleksi individu. Ia perlu bertindak dan berperanan secara kolektif dan integratif, menyeluruh, lebih berfungsi dan bertanggungjawab.

Selain itu, responden juga tidak banyak menghadapi masalah keluarga kerana sudahpun dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan dan rumah tangga. Manakala, sokongan dan bantuan yang berterusan dari keluarga dan mertua responden membantu mengurangkan lagi masalah pengurusan keluarga. Dari segi peratusan pula, seramai 58.9% tidak setuju dan 34.2% pula amat tidak bersetuju dengan soalan tidak dapat menyesuaikan diri dengan alam rumah tangga. Manakala seramai 58.9% tidak bersetuju dan 24.7% pula amat tidak bersetuju dengan soalan tidak dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan.

Jika dibuat perbandingan skor min bagi keseluruhan item soalan kajian dalam jadual 4 didapati item suami saya lebih banyak memarahi dan mencari kesalahan daripada menasihati atau memberikan semangat dalam menguruskan keluarga menunjukkan skor min yang paling rendah iaitu 1.60. Dari segi peratusan pula seramai 43.8% responden menjawab tidak setuju dan seramai 49.3% responden menjawab amat tidak bersetuju bagi item berkenaan. Maka dapatlah dirumuskan bahawa seramai 93.1% responden kajian mempunyai suami yang lebih suka menasihati dan memberikan semangat dalam menguruskan keluarga daripada memarahi dan mencari kesalahan isteri. Pesefahaman antara suami dan isteri serta mematuhi norma yang telah ditetapkan oleh agama, Muhammad Imran (1993) Muhammad Osman al-Kashnu (t.t), Afzalu ar-Rahman (1980) merupakan pra syarat bagi wanita bekerjaya yang telah berkahwin. Justeru, wanita yang berkarisma mempunyai daya penarik, bakat memimpin memerlukan keyakinan diri dan sokongan yang padu daripada pihak keluarga. Fenomena sebegini cukup baik dalam meningkatkan keharmonian keluarga.

6.3 Tindakan Yang Diambil Apabila Menghadapi Masalah Keluarga

Terdapat 10 soalan kajian diajukan kepada responden di bawah bahagian tindakan yang diambil oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga. Bagi melihat dengan lebih jelas lagi, skor min dan sisihan piawai daripada dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Skor Min Tindakan Yang Diambil Apabila Menghadapi Masalah Keluarga

Apabila menghadapi masalah keluarga, saya...

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
Sentiasa berjumpa dengan majikan untuk berkongsi masalah yang dihadapi.	1.90	0.98
Sentiasa mengadu hal berkaitan keluarga kepada kenalan rapat.	2.64	1.14
Sentiasa berjumpa dengan orang yang lebih arif spt (ustaz, Kaunselor, Pegawai Agama) dalam menyelesaikan masalah keluarga	2.45	1.00
Hanya memendam perasaan kerana tidak mahu orang lain tahu masalah keluarga	2.73	1.14

Kerap kali menangis sendirian	2.56	1.05
Sentiasa bertindak mengadu kepada ibubapa	2.26	1.02
Sentiasa bertindak mengadu kepada mertua	1.84	0.65
Sentiasa bertindak mengadu kepada adik beradik dan saudara mara	1.98	0.82
Berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut secara bersendirian	3.76	0.91
Berdoa kepada Ilahi agar membantu meringankan bebanan masalah keluarga.	4.65	0.48

Berdasarkan kepada jadual 5 di atas, didapati terdapat 2 soalan kajian di mana responden menjawab sangat tinggi, 3 soalan menunjukkan skor min yang tinggi dan 5 soalan kajian menunjukkan skor min yang rendah.

Skor min yang sangat tinggi adalah terdapat pada item soalan berdoa kepada Ilahi agar membantu meringankan bebanan masalah keluarga iaitu 4.65. Dari segi peratusan pula, seramai 65.8% responden menjawab amat bersetuju dan 34.2% menjawab bersetuju. Manakala item soalan berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut secara sendirian menunjukkan skor min 3.76. Dari segi peratusan pula, seramai 13.7% responden menjawab amat bersetuju dan 63% responden menjawab setuju. Justeru, tindakan yang sangat tinggi dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga ialah dengan berdoa kepada Ilahi dan juga berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut secara sendirian.

Selain itu, jadual 5 juga menunjukkan skor min yang tinggi pada item soalan hanya memendam perasaan kerana tidak mahu orang lain mengetahui masalah keluarga iaitu 2.73. Dari segi peratusan pula, seramai 31.5% responden menjawab setuju dan 2.7% menjawab amat bersetuju. Di samping itu, bagi item soalan sentiasa mengadu hal berkaitan keluarga kepada kenalan rapat juga menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 2.64. Dari segi peratusan pula, seramai 27.4% responden menjawab setuju dan 2.7% menjawab amat bersetuju. Manakala skor min yang tinggi juga ditunjukkan oleh item soalan kerap kali menangis sendirian iaitu 2.56. Dari segi peratusan pula, seramai 21.9% responden menjawab setuju dan 2.7% menjawab amat bersetuju. Justeru daripada analisis data tersebut dapatlah dirumuskan bahawa responden mengambil tindakan yang tinggi dengan cara memendam perasaan, mengadu kepada kenalan rapat dan menangis sendirian apabila menghadapi masalah keluarga. Hal ini bersesuaian dengan perwatakan dan personaliti wanita yang bersifat lemah lembut, Mazidah Zakaria (1980). Dalam hal ini mereka memerlukan sokongan dan bantuan daripada terutamanya dari pihak suami untuk berkongsi segala masalah yang dihadapi, Syed Abu Hassan Ali Nadawi (1984).

Berpandukan jadual 5 di atas, didapati terdapat 5 soalan kajian yang menunjukkan skor min yang rendah iaitu di bawah 2.50. Ini bermakna tindakan yang kurang dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga ialah berjumpa dengan orang yang lebih arif seperti ustaz atau kaunselor, mengadu kepada ibubapa, mengadu kepada adik beradik atau saudara mara, berjumpa dengan majikan untuk berkongsi masalah dan mengadu kepada mertua. Di antara 5 soalan tersebut, didapati soalan yang memperoleh skor min yang paling rendah ialah 1.84 iaitu bertindak mengadu kepada mertua apabila menghadapi masalah keluarga. Dari segi peratusan pula, seramai 26% responden

menjawab amat tidak setuju dan 67.1% menjawab tidak setuju. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa tindakan yang paling kurang dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga ialah mengadu kepada mertua.

Secara umumnya dapatan kajian ini adalah selari dengan analisis data terhadap faktor penyumbang kepada masalah keluarga sebelum ini. Ini kerana item soalan suami lebih banyak memarahi dan mencari kesalahan daripada menasihati dan memberikan semangat dalam menguruskan keluarga menunjukkan skor min yang paling rendah iaitu 1.60. Justeru dapatlah dibuat kesimpulan awal bahawa responden paling kurang bertindak mengadu kepada mertua apabila menghadapi masalah keluarga kerana mempunyai suami yang baik dan membina.

7.0 PERBINCANGAN

Kajian ini telah menjawab tiga persoalan kajian iaitu;

7.1 Perbandingan Hasrat dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Keberkesanan Pengurusan Keluarga

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara hasrat dan realiti wanita bekerjaya di UniMAP berdasarkan skor min 4.02 bagi item hasrat wanita bekerjaya dan skor min 3.56 bagi item realiti wanita bekerjaya. Justeru, skor min kedua-dua item tersebut adalah berada di tahap yang sangat tinggi. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa walaupun wanita bekerjaya di UniMAP menghadapi tekanan kerja, kerja lebih masa, banyak terlibat dengan kerja-kerja luar, keletihan bekerja dan menghadapi masalah keluarga namun faktor-faktor tersebut tidak memberikan impak yang sangat tinggi dalam meningkatkan prestasi dan keberkesanan kerja serta dalam menguruskan keluarga mereka. Keadaan ini tentunya amat baik dalam perkembangan UniMAP sebagai sebuah institusi IPTA yang masih baru. Kesanggupan yang ditunjukkan oleh wanita bekerjaya di UniMAP mengorbankan masa dan tenaga untuk membangunkan sebuah universiti yang baru ditubuhkan merupakan sumbangan yang amat bermakna kepada pihak universiti. Komitmen kepada kerjaya bukanlah sebagai satu kekangan yang membataskan mereka dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga. Sebaliknya, keluarga merupakan sumber motivasi kepada mereka untuk bekerja dengan lebih pro aktif dan komited dalam usaha membangunkan universiti dan dalam masa yang sama memberi tumpuan yang sebaiknya ke arah pembinaan keluarga yang dinamis dan harmoni.

7.1.1 Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pemasalahan Keluarga

Berdasarkan analisis data didapati terdapat 2 daripada 10 soalan kajian yang menunjukkan skor min yang tinggi. Ini ditunjukkan oleh item saya tidak mempunyai pembantu rumah dengan skor min 3.15. Manakala skor min bagi item saya masih kekurangan kemahiran menguruskan keluarga dengan ialah 2.67. Ini bermakna

responden memerlukan bantuan pembantu rumah dan kursus kemahiran menguruskan keluarga bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan keluarga.

Di samping itu, didapati 8 dari 10 soalan kajian menunjukkan skor min adalah rendah iaitu di bawah skor min 2.50. Justeru, dapatan kajian ini membuktikan secara jelas bahawa responden tidak banyak menghadapi masalah keluarga kerana para suami banyak membantu dalam menguruskan keluarga, memberi sokongan terhadap pekerjaan, tidak terlalu mengharap kepada responden dalam menguruskan keluarga dan lebih banyak menasihati dan memberikan semangat dalam menguruskan keluarga daripada memarahi dan suka mencari kesalahan responden. Selain itu, responden juga tidak banyak menghadapi masalah keluarga kerana sudahpun dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan dan rumah tangga. Manakala, sokongan dan bantuan yang berterusan dari keluarga dan mertua responden membantu mengurangkan lagi masalah pengurusan keluarga. Oleh yang demikian, sebagai manifestasi kepada kebahagiaan rumahtangga, suami perlu menunjukkan kasih sayang dan kecenderungan untuk berbuat kebaikan kepada pihak isteri dengan menzahirkan segala bantuan yang dilakukan secara ikhlas. Tanpa bantuan dan sokongan daripada pihak suami ia akan menyebabkan berlaku bibit-bibit konflik dan kemuncaknya boleh merungkai ikatan kebahagiaan yang dibina. Justeru, kebahagiaan rumah tangga yang diidamkan oleh setiap pasangan tidak dapat direalisasikan tanpa kesefahaman, toleransi dan komited serta kesedaran tanggungjawab yang tinggi oleh setiap pasangan.

7.1.2 Tindakan Yang Diambil Apabila Menghadapi Masalah Keluarga

Berpandukan kepada analisis data yang diperolehi didapati skor min yang sangat tinggi adalah terdapat pada item soalan berdo'a kepada Ilahi agar membantu meringankan bebanan masalah keluarga iaitu 4.65 dan item soalan berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut secara sendirian menunjukkan skor min 3.76. Justeru, tindakan yang sangat tinggi dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga ialah dengan berdo'a kepada Ilahi dan juga berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut secara sendirian. Melalui bantuan dan pertolongan daripada Ilahi mereka lebih berkeyakinan tidak ada satu masalahpun tidak dapat diselesaikan. Mereka berkeyakinan keimanan terhadap Allah merupakan kerangka asas dalam pembentukan institusi kekeluargaan, Mu`amal Hamidy (1980).

Selain itu, didapati skor min yang tinggi pada 3 soalan kajian. Soalan tersebut ialah hanya memendam perasaan kerana tidak mahu orang lain mengetahui masalah keluarga (skor min 2.73), item soalan sentiasa mengadu hal berkaitan keluarga kepada kenalan rapat juga menunjukkan skor min 2.64 dan item soalan kerap kali menangis sendirian iaitu (skor min 2.56). Justeru daripada analisis data tersebut dapatlah dirumuskan bahawa responden mengambil tindakan yang tinggi dengan cara memendam perasaan, mengadu kepada kenalan rapat dan menangis sendirian apabila menghadapi masalah keluarga.

Dapatan kajian juga menunjukkan tindakan yang kurang dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah keluarga ialah berjumpa dengan orang yang lebih arif

seperti ustaz atau kaunselor, mengadu kepada ibubapa, mengadu kepada adik beradik atau saudara mara, berjumpa dengan majikan untuk berkongsi masalah dan mengadu kepada mertua di mana ditunjukkan oleh skor min di bawah 2.50.

8.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Arus pemodenan yang melanda masyarakat pada hari ini telah memberi peluang kepada wanita untuk sama-sama terlibat dengan pihak lelaki dalam proses pembangunan negara. Sudah tentulah nilai-nilai tersirat yang bersifat tradisional dalam institusi kekeluargaan mengalami perubahan. Pada masa kini perempuan tidak semestinya menjadi pembantu suami dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga secara mutlak. Sebaliknya tugas dan tanggungjawab menguruskan rumah tangga menjadi tugas bersama antara suami dan isteri. Tidak dinafikan isteri juga diiktiraf sebagai penyumbang ekonomi kepada institusi kekeluargaan. Justeru, tidak timbul konflik antara keperluan mengejar kerjaya dengan keperluan mengurus keluarga. Bahkan, kerelaan isteri untuk meningkatkan ekonomi keluarga merupakan usaha yang terbaik dalam meningkatkan taraf hidup institusi kekeluargaan yang dibina. Apa yang penting bagi wanita ialah kebijaksanaan menyesuaikan diri dalam lapangan pekerjaan dan dapat membahagikan masa yang terbaik dalam pengurusan kekeluargaan. Kesedaran yang tinggi terhadap nilai-nilai keagamaan merupakan mekanisme yang terbaik sebagai garis panduan yang menjamin kestabilan dan kebahagiaan rumah tangga.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini mendapati implikasi yang berlaku ke atas wanita bekerjaya di UniMAP di antara hasrat dan realiti terhadap keberkesanan pengurusan keluarga menunjukkan mereka mampu mengimbangi antara tugas di pejabat dan tugas di rumah. Melalui dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar wanita bekerjaya di UniMAP berserah kepada Ilahi dan menyelesaikan masalah sendiri apabila menghadapi masalah keluarga. Secara fitrahnya, apabila manusia menghadapi sebarang kesulitan dan kesusahan mereka akan mengadu dan meminta bantuan daripada Ilahi. Mereka bertambah yakin bahawa segala kesulitan dan kesusutan masalah rumah tangga yang dihadapi dapat dirungkai dan akan mendapat petunjuk dan penyelesaian setelah berdoa dan bertawakkal kepada Allah. Meskipun dari satu aspek perbuatan berdoa ini dianjurkan oleh Islam namun ia perlu diikuti dengan usaha yang besepadu dan dengan landasan ilmu. Perbuatan berserah kepada taqdir Ilahi semata tanpa diikuti usaha yang konkrit bertentangan dengan semangat falsafah Islam. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”

(ar-Ra`d:11)

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan perbuatan hanya berserah semata-mata kepada Allah tidak akan memberi kesan terhadap perubahan yang akan berlaku kepada manusia. Ia perlu disusuli dengan perancangan dan tindakan berdasarkan ilmu. Isteri yang hanya berserah kepada Ilahi semata-mata tanpa ada usaha untuk memperbaiki

tahap kualiti pengurusan keluarga dari semasa ke semasa akan memberi implikasi yang negatif terhadap keluarganya. Oleh yang demikian, sekiranya krisis keluarga ini berpanjangan, secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi dan kualiti kerja di pejabat.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini, pertama corak yang dicadangkan supaya ilmu dan kemahiran yang berkaitan keibubapaan (*parenting skill*) merupakan satu keperluan bagi setiap pasangan yang berkahwin. Tanpa ilmu dan kemahiran tersebut mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menentukan perbuatan dan tingkah untuk menguruskan keluarga sama ada berkesan atau tidak. Melalui mekanisme ini, mereka akan mampu menguruskan keluarga dengan lebih efisien dan teratur. Kedua, perlu dilengkapi dengan ilmu psikologi di samping pengetahuan asas dalam menguruskan rumahtangga. Berbekalkan ilmu ini, mereka akan dapat membimbing ahli keluarga ke arah model keluarga yang diidamkan. Tambahan lagi ia dapat membantu memberi kefahaman yang baik dalam pengurusan rumah tangga. Pihak isteri juga dapat memahami keperluan psikologi pasangannya dan anak-anak serta bersedia untuk memenuhi keperluan-keperluan ini di samping mengenalpasti keperluan sendiri. Ketiga, kebijaksanaan dalam mengagihkan masa di antara keperluan ditempat kerja dan pengurusan keluarga. Situasi ini bergantung kepada bantuan dan sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga. Hal ini disebabkan, bagi wanita bekerjaya mereka mempunyai kapasiti bebanan kerja yang lebih dan tekanan sama ada di pejabat mahupun di rumah. Dalam masa yang perlu ditingkatkan bahawa kebajikan anak-anak merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama suami dan isteri. Oleh yang demikian, bagi meredakan suasana yang berlaku ini persefahaman dan kompromi di antara pasangannya sangat diperlukan. Justeru, untuk melahirkan sebuah keluarga yang bahagia, semua ahli keluarga perlu berfungsi dan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing agar tidak wujud kelompokan yang boleh mencacatkan mana-mana fungsi dan akhirnya boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan yang dibina. Keempat, tidak melanggar norma-norma keagamaan dan moral. Keluarga yang bahagia terpancar melalui kesedaran beragama dan berakhlak. Akhlak yang mulia merupakan asas kepada pembinaan berkeluarga. Agama dan akhlak merupakan kawalan sosial yang sempurna untuk melahirkan pasangan dan anak-anak yang bertanggungjawab. Melalui kesedaran ini, pasangan tersebut akan membentuk kefahaman bersama, bertoleransi yang akan melahirkan satu bentuk sistem kekeluargaan yang unik. Di samping itu, nilai-nilai keagamaan juga menganjurkan setiap pasangan meningkatkan kualiti pengurusan rumah tangga ke tahap yang optimum. Adalah diharapkan corak cadangan-cadangan yang disimpulkan disini sedikit sebanyak dapat membantu wanita bekerjaya dalam mengimbangi antara kerjaya dan pengurusan rumah tangga dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- _____ (1980). *Sikap dan Nilai Masyarakat Terhadap Pergerakan Wanita*. Seminar Peranan Wanita dalam Pergerakan Belia. Pusat Latihan Belia Perak.

- Abdul Hamid Arshat & Masitah Mohd. Yatim.(1987). *Wanita Bekerja dan Pembangunan Keluarga*. Dewan Masyarakat.
- Afzalu ar- Rahman. (1988). *Encyclopaedia of Seerah*, Volume V, London: Muslim Educational School Trust Trust
- Ahmad Ibn Hanbal. (1969). *Musnad Imam Ahmad Ibn Hanba*. Jil. 6, Beirut: Dar Sadr.
- Ainon Mohd. (2003). *Panduan Menggunakan Teori Motivasi Di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Kashnu Muhammad Osman (t.t). *Al- Mushbaku al-Zaujyyah wa Hululahu*. Kaherah: Makatabah al-Quran.
- Al-Qusyairi, Abi Hussin Muslim al-Hajaz. (1972). *Sabih Muslim*. Beirut:Dar al-‘Arabiah.
- Berita Harian*, 5 Mei 2005.
- Che Zainon Yusof. (1995). *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Dunst, Trivette, & Deal. (1994). *Measure for Practise with Family From a Strenghts Perspective*. Cambridge: Brookline.
- Hamidy Mu`amal. (1980). *Perkahwinan dan Persoalannya: Bagaiman Pemecaban dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hedaya Hartford. (2002). *Iniatiating and Upholding an Islamic Marriage*. Syria: Dar al-Fikr.
- John L.Esposito. (1982). *Women In Muslim Family Law*. Syracuse : University Press.
- Lari, Sayid Mujtaba Rukni Musawi. (1974). *Western Civilization Free Islamic Literatures*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mazidah Zakaria. (1981). *Penglibatan Wanita LuarBandar Dalam Aktiviti Ekonomi: Tumpuan Terhadap Masalah Yang dihadapi*. Mukktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia.
- Melson, G.G. (1980). *Family and Environment: An Ecocystem perspective*. Mineaplolis: Burgess Publishing Co.
- Mohd. Nor Manuty. (2003). *Membentuk Keluarga Bahagia*. Selangor: Yayasan Dakwah Islamiah.

- Moos, R.H., Insel, P.M & Humpreys, B. (1974). *Family Environmental Scale*. Palo Alto, CA:Consulting Psychologist in The Texax Journal of Distance Learning.
- Muhammad Abdul Rauf. (1997). *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali Quthb. (2005). *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Terj. oleh Hj. Taib Azamudden Md. Taib, Hj. Hassan Yassin, Hj. Abd. Majid Hj. Jaafar dan T. Muhammad, cetakan kedua belas. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Imran (1993). *Ideal Women in Islam*. Pakistan: Islamic Publications Ltd.
- Mustafa Hj. Daud. (1995). *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Rohana Raja Mamat. (1991). *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozi Bainon. (2003). *Wanita Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusmiati Harun. (2003). *Pentingnya Kentuhan Keluarga dalam Membentuk Kesejahteraan Masyarakat*. Selangor: Yayasan Dakwah Islamiah.
- Sabitha Marican. (1988). Cabaran Kerjaya Terhadap Wanita Karier. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 7(1-2).
- Syams al-Din, Mohammad Mahdi. (1971). *Al-Islam Wa Tanzīm al-Ushrah*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilm al-Muntiqah.
- Syed Abu Hassan Ali Nadawi. (1984). *Wanita dan Lelaki Saling Memerlukan*. Cetakan pertama, Shah Alam: Ramadhan Book Centre.
- Wanita*, Mei 2005.
- Winch, Robert F. (1971). *The Modern Family*. New York: Holt, Reinhart and Wiston.